

Reaksi Kerajaan Malaysia dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam Konflik Palestin-Israel Pasca Operasi *Tūfān al-Aqsā*

The Reaction of the Malaysian Government and Non-Governmental Organizations (NGOs) to the Palestine-Israel Conflict Post-Tūfān al-Aqsā Operation

Mohamad Fikri Mohd Bakri, Mohd Roslan Mohd Nor*

Department of Islamic History and Civilization, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya. 50603. Kuala Lumpur. Malaysia

*Corresponding author: m_roslan@um.edu.my

Article history

Received: 2024-08-08 Received in revised form: 2025-05-20 Accepted: 2025-05-21 Published online: 2025-06-30

Abstract

The military operation launched by the Islamic Resistance Movement (Hamas) on October 7, 2023, was a response to the provocations and injustices committed by Zionist Israel against the Palestinian population for over 75 years since 1948. Hamas named this operation as "Tūfān al-Aqsā Operation" to signify their struggle to liberate the occupied Al-Aqsa Mosque. The operation has elicited varied responses, both positive and negative. Some argued that the ongoing conflict stems from Hamas initiating the attack, while others disputed this claim, stating that the crisis did not emerge on October 7, 2023. Malaysia, through its government and non-governmental organizations (NGOs), has also expressed its position on the issue. Using case study method and thematic analysis, this study examines the official government responses, including diplomatic statements and political actions. It also evaluates the reaction from civil society, non-governmental organizations, and individuals regarding Tūfān al-Aqsā Operation. Thus, this research provides a holistic overview on Malaysia's stance on the Palestine-Israel issue. The findings contribute to a deeper understanding of Malaysia's stance and role in addressing regional conflicts especially those related to Palestine-Israel.

Keywords: Palestine-Israel, Tūfān al-Aqsā, HAMAS, reaction, Malaysia.

Abstrak

Operasi ketenteraan yang dilancarkan oleh kumpulan pejuang Ḥarakat al-Muqāwamat al-Islāmiyah (HAMAS) pada 7 Oktober 2023 merupakan respon balas kepada provokasi dan kezaliman Zionis Israel ke atas penduduk Palestin selama lebih 75 tahun sejak 1948 M. HAMAS menamakan operasi ini sebagai "Tūfān al-Aqsā" bagi merujuk kepada perjuangan mereka membebaskan Masjid al-Aqsa yang dijajah. Operasi ini telah mendapat respon dari pelbagai pihak samada secara positif mahupun negatif. Ada yang beranggapan bahawa asas kepada berlarutan konflik ini berpunca dari tindakan HAMAS yang memulakan serangan, namun di sana ada juga yang menyanggah dakwaan ini dengan mengatakan bahawa ia bukanlah krisis yang baru tercetus pada 7 Oktober 2023. Malaysia melalui pihak kerajaan dan bukan kerajaan (NGO) turut menyatakan pendirian dalam isu yang berlaku. Melalui metode kajian kes dan analisis tematik, kajian ini meneliti respons rasmi kerajaan, seperti kenyataan diplomatik dan tindakan politik, serta respons masyarakat sivil, pertubuhan bukan kerajaan dan individu berhubung operasi Tūfān al-Aqsā. Dengan demikian, kajian ini memberikan gambaran yang holistik terhadap pendirian Malaysia dalam isu Palestin-Israel. Dapatan kajian ini memberi sumbangan kepada pemahaman mendalam tentang pendirian dan peranan Malaysia dalam menangani isu-isu konflik serantau khususnya Palestin-Israel.

Kata kunci: Palestine-Israel, Tūfān al-Aqsā, HAMAS, reaksi, Malaysia

1.0 PENGENALAN

Konflik yang tercetus di rantau Timur Tengah melibatkan pertempuran Palestin-Israel bukanlah suatu perkara yang asing bagi masyarakat dunia. Saban tahun, pasti akan muncul di dada-dada akhbar mahupun kaca televisyen mengenai pencerobohan mahupun kezaliman yang dilakukan rejim Zionis-Israel terhadap rakyat Palestin. Dalam siri pertempuran terbaru pada tahun 2023 yang digelar sebagai operasi *Tūfān al-Aqṣā* sekali lagi mendapat perhatian dunia kerana kebiadaban rejim Zionis yang melakukan serangan pengeboman secara semberono terhadap penduduk Palestin di Gaza. Media-media Barat cuba mengaitkan punca berlakunya pertempuran ini adalah bertitik tolak dari serangan kumpulan *Harakat al-Muqāwamat al-Islāmiyyah* (HAMAS) pada 7 Oktober 2023. Walau bagaimanapun, jika ditelusuri sejarah, penderitaan, provokasi dan kezaliman yang dialami oleh penduduk Palestin memberi gambaran sebenar kepada setiap tindakan mereka bagi mempertahankan diri, agama dan tanah air yang telah dijajah hampir satu abad oleh Zionis-Israel. Perjuangan hak dan keadilan penduduk Palestin juga telah menarik perhatian Malaysia untuk sama-sama menyatakan sokongan dan mencari jalan perdamaian terhadap konflik yang tercetus. Bermula era Tunku Abdul Rahman lagi, Malaysia terus bersikap tegas dan konsisten dalam memperjuangkan isu Palestin agar terus terbela. Justeru itu, makalah ini akan membincangkan pendirian Malaysia dalam konteks kerajaan mahupun badan bukan kerajaan (NGO) berhubung konflik Palestin-Israel khususnya dalam pertempuran *Tūfān al-Aqṣā* yang berlaku pada tahun 2023.

2.0 LATAR BELAKANG KONFLIK PALESTIN-ISRAEL

Sejak penubuhan negara Israel di tanah Palestin pada 14 Mei 1948, pertembungan antara penduduk tempatan dalam kalangan bangsa Arab dan pendatang Yahudi telah mencetuskan beberapa siri konflik yang berlarutan sehingga ke hari ini. Tindakan British yang menjanjikan tanah Palestin sebagai tempat untuk orang-orang Yahudi berhijrah dan membina sebuah negara melalui Deklarasi Balfour telah menjadi titik hitam bagi sejarah umat Islam yang kehilangan penguasaan terhadap tanah suci Bayt al-Maqdis. Penghijrahan beramai-ramai bangsa Yahudi dari wilayah Eropah Timur sebenarnya dirangsang oleh kempen-kempen Pertubuhan Zionis Antarabangsa (WZO) yang diketuai oleh Theodor Herzl sebagai presiden pertamanya. Pertubuhan ini mula melobi kuasa besar iaitu Britain bagi mendukung idea penubuhan sebuah negara Yahudi seperti yang terkandung dalam “Der Judenstaat” atau “The State of Israel” (Howard Morley, 1963). Menurut Mohd Roslan, kelemahan kerajaan Turki Uthmaniyyah yang memerintah Palestin di antara tahun 1516-1912 M turut memudahkan laluan untuk kejayaan projek Yahudi-Zionis di Palestin (Mohd Roslan, 2010).

Penjajahan dan pencerobohan Zionis Israel tidak terlepas daripada usaha-usaha dan siri kebangkitan rakyat Palestin bagi membebaskan semula tanah air mereka. Umat Islam seluruh dunia turut mengecam tindakan Zionis yang menghalau penduduk Palestin keluar dari tanah air mereka sendiri. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pula seolah-olah bersekongkol di sebalik tragedi yang menimpa penduduk Palestin. Pada tahun 1947, PBB telah menubuhkan satu organisasi yang dikenali sebagai Jawatankuasa Khas PBB untuk Palestin (UNSCOP) yang menyarankan agar bahagian Barat Palestin dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu: pertama, sebuah kawasan untuk negara Yahudi, kedua, sebuah wilayah negara Arab dan ketiga wilayah yang diperintah oleh PBB menerusi Resolusi 181. Ramai dari penduduk Palestin menentang rancangan pemisahan ini. Disebalik konflik yang membawa kepada pencerobohan dan pembunuhan seperti yang berlaku di Kampung Deir Yassin yang menyaksikan hampir 250 ke 350 penduduk Palestin mati ditangan pasukan Yahudi Irgun, usaha-usaha damai oleh PBB turut dilakukan. Malangnya, perjanjian damai

yang dimeterai sering kali terbantut kerana keegoan Israel melanggarnya (Mohd Roslan & Abdul Qayyum, 2018).

Negara-negara Arab yang bersempadan dengan Palestin turut menggerakkan usaha bagi menentang penjajahan Zionis – Israel. Hal ini telah mencetuskan beberapa siri konfrontasi Arab-Israel antaranya Perang Arab 1948, Perang Suez 1956, Perang Enam Hari (5-11 Jun 1967), Perang Yom Kippur 1973 dan Perang Israel-Lubnan 1982. Kejayaan Israel dalam siri-siri perperangan menentang gabungan negara-negara Arab telah membuka peluang untuknya meluaskan lagi kawasan jajahan di tanah Palestin. Malah, pasca perang Enam Hari 1967 menyaksikan Mesir kehilangan semenanjung Sinai manakala Bukit Golan, Syria dikuasai sepenuhnya oleh Israel. Konfrontasi Arab-Israel mulai reda setelah Mesir bersetuju untuk menandatangani Perjanjian Camp David 1979 yang menjadi detik penting proses damai dan normalisasi negara-negara Arab dengan Israel. Presiden Amerika, Jimmy Carter merupakan individu yang berperanan dalam rundingan dua hala Mesir-Israel sehingga kedua-dua pemimpin negara iaitu Anwar Saddat dan Perdana Menteri Israel, Menachem Begin bersetuju untuk menghentikan permusuhan yang berlangsung hampir 30 tahun melalui perjanjian Camp David. Selepas Mesir, Jordan menjadi negara Liga Arab kedua yang membina hubungan diplomatik dengan Israel pada 26 Oktober 1994.

Kejayaan Donald J. Trump memenangi pilihanraya Presiden Amerika Syarikat (AS) pada 2017 telah menarik perhatian ramai khususnya berhubung dasar luar AS terhadap Timur Tengah. Pentadbiran Trump telah memberikan bayangan mengenai pelan yang bertujuan “membawa keamanan kepada Timur Tengah” khususnya dalam usaha menyelesaikan konflik Palestin-Israel (Mohd Roslan & Muhammad Khalis, 2023). Perancangan ini berjaya diterjemahkan oleh Trump menerusi sebuah perjanjian damai yang dikenali sebagai “*Deal of the Century*” yang bertujuan untuk menyelesaikan konflik Palestin-Israel. Tindakan AS memindahkan kedutaannya ke Bayt al-Maqdis yang menjadi ibu negara Palestin pada 6 Disember 2017 dilihat sebagai langkah awal pentadbiran Trump bagi menjayakan pelan tersebut. Walaupun mendapat kecaman dari beberapa negara dunia, AS tetap bertegas dengan pendirian tersebut dan dilihat serius bagi menjayakan usaha penguasaan Israel ke atas Bayt al-Maqdis (Datal Iriqat, 2020). Pada 13 Ogos 2020, Trump sekali lagi membuat kejutan melalui pengumuman AS dalam menaja sebuah perjanjian diplomatik antara Arab-Israel yang dikenali sebagai “*Abraham Accord*”. Emiriah Arab Bersatu (UAE), Bahrain, Sudan dan Maghribi merupakan antara negara-negara Arab yang menandatangani perjanjian tersebut dan seterusnya membina hubungan diplomatik secara rasmi dengan Israel (Tara Febriani, 2023).

Tindakan negara-negara Arab tersebut yang dahulunya lantang memperjuangkan nasib Palestin mula mendapat kritikan dan tidak kurang juga dilihat sebagai satu pengkhianatan. Pendekatan negara-negara ini menormalkan hubungannya dengan Israel sebenarnya adalah tindakan mengiktiraf kewujudannya walaupun hakikat sebenar Zionis-Israel adalah pendatang yang menjajah Palestin. Hubungan yang dibina tidak hanya membantutkan perjuangan pembebasan Palestin, malah terus memusnahkan impian kewujudannya sebagai sebuah negara aman dan merdeka. Perjanjian Abraham 2020 yang dipelopori bekas Presiden AS, Donald Trump adalah helah untuk mengawal semua negara Arab supaya tunduk kepada Israel. Pada hakikatnya, itu adalah perjanjian perang dan kejayaan bersejarah untuk mewujudkan lebih banyak konflik di rantau Asia Barat dengan bertopengkan perjanjian damai. Dalam siri pertempuran *Tūfān al-Aqsā* yang tercusus, Bahrain telah mengambil langkah memutuskan hubungan ekonomi dengan Israel sebagai tindak balas terhadap kekejaman rejim Zionis. Jordan, UAE dan Qatar pula bekerjasama bagi meningkatkan kapasiti hospital dan keupayaan perubatan untuk rakyat di Gaza (Mohd Salleh, 2023). Tindakan ini dilihat wajar bagi memberi tekanan terhadap jenayah yang dilakukan Israel.

3.0 OPERASI *TŪFĀN AL-AQSĀ*

Operasi ketenteraan yang digelar sebagai *Tūfān al-Aqsā* merupakan siri serangan yang digerakkan pada pagi sabtu, 7 Oktober 2023 oleh pejuang-pejuang HAMAS terhadap kawasan-kawasan Palestin yang dijajah oleh Zionis-Israel. *Tūfān* atau di dalam Bahasa Melayu bermaksud “banjir” dijadikan simbolik kepada operasi ini sebagai gambaran sifatnya yang ganas dan datang mengejut ketika melanda orang lain (Mahmoud, 2023). Kali terakhir tercetusnya pertempuran di antara pejuang-pejuang HAMAS dan Zionis-Israel ialah pada bulan Ramadan 1442 H/ 2021 M yang dikenali sebagai pertempuran *Saif al-Quds* selama 11 hari. Pertempuran *Saif al-Quds* dianggap sebagai salah satu pertempuran terpenting yang dialami umat Islam Palestin khususnya di Gaza setelah Israel terpaksa akur dengan gesaan dunia untuk melakukan gencatan senjata dan menghentikan operasi pengeboman. Sebelum pertempuran ini berlaku, kira-kira 25 keluarga Palestin yang tinggal di kawasan kediaman Sheikh Jarrah, Bayt al-Maqdis telah diarahkan berpindah oleh Mahkamah Israel dan menyerahkan penempatan kepada pihak berkuasa Israel. Keputusan ini telah memacu gelombang kemarahan rakyat Palestin dan mencapai kemuncak menjelang bulan Ramadan 1442 H/ 2021 M di mana pihak Israel melakukan provokasi dengan memotong kabel pembesar suara Masjid al-Aqsa pada malam pertama tersebut. Larangan yang dikeluarkan oleh Israel kepada umat Islam supaya tidak melakukan ibadah di Masjid al-Aqsa sepanjang bulan suci juga telah menambahkan lagi benih-benih tercetusnya ketegangan antara kedua-dua pihak (Salih, 2022).

Perkara yang hampir sama telah berulang pada operasi *Tūfān al-Aqsā* kali ini. Menurut Mahmoud al-Rantisi, disaat dunia disibukkan mengenai perang Rusia-Ukraine, pilihan raya Presiden AS, dan berita serantau mahupun antarabangsa yang lain, operasi *Tūfān al-Aqsā* dilancarkan sebagai respons kepada tindakan provokasi Zionis-Israel yang menceroboh Masjid al-Aqsa dan beberapa tindakan zalim terhadap umat Islam di Tebing Barat (Mahmoud, 2023). Operasi itu diumumkan oleh Muhammad al-Deif, Ketua Staf Briged *Izz al-Din al-Qassām*, sayap tentera HAMAS dan ia dianggap sebagai serangan terbesar ke atas Israel dalam beberapa dekad. Al-Deif berkata, dalam mesej audio yang dirakam pada waktu subuh hari Sabtu, 7 Oktober 2023, "Kami mengumumkan permulaan Operasi *Tūfān al-Aqsā* dengan serangan pertama yang menyasarkan tapak musuh, lapangan terbang dan kubu tentera." Beliau menegaskan bahawa serangan pertama ini melebihi 5,000 peluru berpandu dalam tempoh 20 minit pertama operasi (Palestine Chronicle Staff, 2023). Tindakan Zionis-Israel yang menceroboh ini turut dilindungi dan ditaja oleh kerajaan Israel, terutamanya oleh Menteri Kewangan dan Menteri dalam Kementerian Pertahanan Israel, Bezalel Smotrich serta Menteri Keselamatan Nasional Israel, Itamar Ben-Gvir. Sejak awal tahun 2023, lebih 42 ribu orang penceroboh dari kalangan Zionis-Israel menyerbu Masjid al-Aqsa, terutama dalam beberapa minggu kebelakangan ini yang semakin hampir dengan sambutan perayaan bangsa Yahudi.

Hal ini turut disuarakan oleh Saleh Al-Arouri, Timbalan Ketua Biro Politik Pergerakan HAMAS yang berkata, “*Mujahidīn* Semenanjung Gaza memulakan operasi yang luas dengan tujuan untuk mempertahankan Masjid Al-Aqsa dan membebaskan tahanan,” menegaskan bahawa pertempuran adalah “justifikasi untuk pendudukan Israel dan datang sebagai tindak balas terhadap jenayah yang berterusan.” Dalam ucapannya, Al-Arouri turut menyeru Tebing Barat untuk mengambil bahagian dalam pertempuran dengan membuka pertembungan dengan pendatang-pendatang Yahudi, memandangkan Tebing Barat “adalah kota terakhir dalam pertempuran ini.” (Al-Jazeera, 2023). Sejak beberapa bulan sebelum operasi tersebut dilancarkan, panggilan dan amaran telah dihantar kepada kerajaan Israel secara meluas, siang dan malam, secara rahsia dan terbuka, tentang seruan agar serangan, pencerobohan ke atas Masjid al-Aqsa serta gangguan kepada

umat Islam khususnya wanita dan kanak-kanak di Bayt al-Maqdis segera dihentikan. Walaubagaimanapun, amaran ini tidak dihiraukan oleh rejim Zionis Israel malah tindakan provokasi dan kezaliman terus ditingkatkan apabila Menteri Keselamatan Nasional Israel, Itamar Ben Gvir mengenakan lebih banyak tekanan dan bertindak balas terhadap 5,000 banduan Palestin di penjara (Mahmoud, 2023).

Di peringkat serantau dan antarabangsa, Kementerian Luar Israel giat menggunakan alat diplomatiknya sebagai langkah mempromosikan hubungan normalisasi antara negara-negara Arab khususnya dengan Israel. Perkara ini dilihat sebagai usaha Israel bagi mendapatkan pengiktirafan dari negara-negara dunia akan kewujudannya yang sah sejak 1948 (Mohd Roslan, Ummu Zainab & Ezad Azraai, 2015). Walaupun beberapa negara Islam khususnya di rantau Timur Tengah sudah mempunyai hubungan diplomatik dengan Israel seperti Mesir, Jordan, UAE, Bahrain, Maghribi dan Sudan, namun usaha-usaha untuk menarik lebih banyak lagi negara keanggotaan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) khususnya giat dilakukan Israel dengan bantuan Amerika Syarikat. Perkara ini dapat dilihat apabila Perdana Menteri Israel, Benjamin Nentanyahu ketika berucap di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNGA) ke-78 pada 22 September 2023 dengan megahnya membentangkan sebuah peta baharu di Asia Barat yang menyaksikan prospek hubungan normalisasi antara Arab Saudi dan Israel. Beliau menegaskan bahawa visi keamanan di Asia Barat seharusnya boleh dicapai dengan penerimaan negara-negara Arab terhadap Israel tanpa mengambil kira isu Palestin (Utusan Malaysia, 2023).

Peta yang dibentangkan oleh Netanyahu adalah cubaan untuk meyakinkan dunia bahawa Israel semakin diterima khususnya dalam kalangan negara-negara Arab yang berjiran. Sementara di sisi yang lain, dua wilayah Palestin, Tebing Barat dan Gaza pula dicatatkan sebagai sebahagian daripada Israel. Susulan tindakan itu, Duta Besar Palestin di Jerman, Laith Arafah turut memberi respons melalui cicipan di media sosialnya bahawa “tidak ada penghinaan yang lebih besar terhadap setiap prinsip asas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu daripada melihat Netanyahu mempamerkan di hadapan UNGA peta “Israel” yang merentasi seluruh tanah dari sungai ke laut, menafikan Palestin dan rakyatnya, kemudian cuba memusingkan penonton dengan retorik tentang “keamanan” di rantau ini, sambil memupuk penajahan yang paling lama bertelah di dunia hari ini.” (Brett Wilkins, 2023).

Pada pengamatan penulis, operasi *Tūfān al-Aqṣā* yang dilancarkan oleh HAMAS juga adalah sebagai respons kepada keangkuhan Benjamin Netanyahu ketika membentangkan peta baharu Asia Barat atau Timur Tengah semasa di UNGA yang jelas menunjukkan usaha Israel dalam meluaskan penguasaan ke atas Palestin dan mengukuhkan kedudukan melalui hubungan normalisasi dengan negara-negara Arab yang lain. Beberapa hari selepas perang meletus, Arab Saudi mengumumkan penangguhan usaha rundingan hubungan normalisasinya dengan Israel berikutan kebimbangan mengenai nasib rakyat Palestin khususnya di Gaza yang dibedil secara semberono oleh rejim Zionis-Israel. Susulan daripada penarikan proses rundingan itu, Arab Saudi turut mengutuk usaha pemindahan penduduk Palestin di Gaza dan serangan ke atas orang awam yang tidak mempunyai pertahanan (Berita Harian, 2023). Menurut Ishaan Tharoor, Amerika Syarikat menerusi pentadbiran Biden memainkan peranan dalam mencorakkan rantau Timur Tengah melalui hubungan normalisasi Arab Saudi-Israel yang dilihat berupaya menjadi penghalang terhadap pengaruh Iran di samping membolehkan Washington memberi tumpuan yang lebih kepada persaingannya dengan China dan perang Rusia-Ukraine (Ishaan Tharoor, 2023).

Impian Israel bagi membina jaringan dengan Arab Saudi terencat seketika setelah tercetusnya perang *Tūfān al-Aqṣā*. Bukan sahaja penduduk Israel terkejut, tetapi seluruh dunia bangun dengan kejutan ketenteraan yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Ratusan pejuang Briged *Al-Qassām*

melancarkan serangan darat dan udara menggunakan payung terjun dalam lingkungan 40 kilometer dari Semenanjung Gaza. Serangan yang dilakukan menggunakan 5,000 peluru berpandu, yang tiada satupun daripada *Iron Dome* dapat menembak jatuh dalam masa 20 minit. Pasukan ini berjaya mengawal sepenuhnya beberapa kawasan penempatan Palestin yang dijajah pada tahun 1948 atau 1967, setelah berjaya masuk melalui jalan darat dan udara. Operasi yang dilancarkan HAMAS merupakan satu kejutan besar kepada Israel sama ada penduduk, kerajaannya, mahupun sistem keselamatan dan perisikannya, yang masih belum pulih daripada kejutan ini (Mahmoud, 2023).

Pada jam pertama operasi *Tūfān al-Aqsā* telah mengakibatkan terbunuuhnya ratusan warga Israel, termasuk askar dan penduduknya. Manakala lebih 100 orang yang ditangkap sebahagian daripada mereka adalah askar. Serangan yang berlaku membawa kepada penutupan lapangan terbang tempatan di kawasan tengah dan selatan Israel serta pembatalan berpuluhan-puluhan penerbangan ke Tel Aviv di Lapangan Terbang Ben Gurion. Perbadanan Penyiaran Israel melaporkan bahawa jumlah kematian Israel mencecah 1,538 dalam tempoh dua bulan pertama sejak tercetusnya pertempuran, manakala jumlah yang cedera melebihi 5,000. Jurucakap kepada Briged *Izz al-Din al-Qassam*, Abu Ubaida menyatakan bahawa bilangan banduan yang ditahan oleh mereka adalah antara 200 dan 250, dan beliau menambah bahawa 50 banduan kehilangan nyawa akibat pengeboman Israel ke atas Gaza (Al-Jazeera, 2023). Di pihak Israel, Direktorat Perisikan Tentera (AMAN) dan Agensi Keselamatan Israel (Shin Bet) gagal menjangka atau mendapatkan sebarang risikan mengenai operasi yang dilancarkan sehingga membawa kepada kerugian yang besar dan jumlah kematian yang tinggi (Unit for Political Studies, 2023). Israel yang mempunyai reputasi yang hebat dalam bidang keselamatan, kecanggihan teknologi perisikan dan ketenteraan terpaksa akur dengan kejutan yang dilakukan HAMAS walaupun Gaza berada di bawah pengawasan fizikal dan maya 24 jam.

Sebagai respons kepada serangan, Benjamin Netanyahu telah mengumumkan pembentukan “kerajaan darurat nasional” dengan penglibatan pihak pembangkang pada 11 Oktober bagi meningkatkan operasi ketenteraan ke atas Gaza khususnya. Serangan udara yang menyasarkan beberapa kawasan penempatan telah mengakibatkan ramai dari kalangan rakyat Palestin terbunuuh dan tidak kurang juga yang cedera parah. Pada 11 November 2023, Zionis-Israel telah menyasarkan sebuah kompleks hospital terbesar di Gaza yang mengakibatkan jumlah korban mencecah ratusan orang. Menurut Kementerian Kesihatan Palestin, salah satu kawasan sasaran rejim Zionis termasuk Hospital al-Shifa yang menjadi tempat perlindungan ribuan penduduk Palestin yang telah hilang tempat tinggal akibat perang. Kebanyakan mangsa tersebut adalah dari kalangan warga emas yang tidak dapat melakukan perjalanan jauh ke selatan Gaza untuk mendapatkan perlindungan (Astro Awani, 2023). Sebelum serangan ke atas beberapa prasarana di Gaza, Israel telah mengeluarkan amaran supaya penduduk Gaza seramai 1.1 juta berpindah ke bahagian selatan hanya dalam tempoh 24 jam. Perkara ini disahkan sendiri oleh jurucakap setiausaha agung PBB, Stephane Dijarric yang dihubungi oleh *Israel Defence Forces* (IDF) (The Guardian, 2023).

Perjuangan HAMAS menentang Zionis-Israel turut disertai oleh kumpulan Hezbollah yang menguasai selatan Lubnan. Pada 3 November 2023, pemimpin Hezbollah, Sayyed Hassan Nasrallah mengesahkan bahawa pihaknya berjaya menyerang 19 kedudukan Israel di sepanjang sempadan negara itu. Pertempuran di sempadan Lubnan-Israel semakin meningkat sejak serangan mengejut pada 7 Oktober. Israel turut melancarkan serangan balas ke atas selatan Lubnan sebagai reaksi kepada peluru berpandu Hezbollah (Wartawan TMT, 2023). Menurut laporan yang dikemukakan oleh Pemantau Hak Asasi Manusia Euro-Med (Euro-Med Monitor), sejak tercetusnya perang pada 7 Oktober sehingga 2 November 2023, Israel telah menggugurkan lebih 25,000 tan bahan letupan di Semenanjung Gaza yang bersamaan dengan dua bom nuklear. Malah tindakan ini turut diakui oleh IDF bahawa lebih 12,000 sasaran pengeboman telah diledakkan di

Gaza. Jika dibandingkan dengan berat bom nuklear seberat hampir 15,000 tan yang dijatuhkan Amerika di Hiroshima dan Nagasaki, Jepun pada akhir Perang Dunia Kedua 1945, kemusnahan di Gaza mungkin dua kali lebih kuat daripada bom nuklear itu memandangkan kawasan Gaza hanya sekitar 360 km persegi berbanding Hiroshima, Jepun seluas 900 km persegi (Euro-Med Human Rights Monitor, 2023).

Kumpulan hak asasi itu juga turut mendokumenkan penggunaan senjata yang diharamkan antarabangsa oleh Israel dalam serangannya ke atas Gaza seperti bom berkelompok dan fosforus. Euro-Med menegaskan bahawa Israel sewenang-wenangnya merosakkan dan melanggar undang-undang kemanusiaan antarabangsa dengan membunuh orang awam yang dianggap sebagai jenayah perang oleh Konvensyen The Hague 1899 dan 1907 serta Konvensyen Geneva 1949 (Euro-Med Human Rigths Monitor, 2023). Negara-negara dunia turut mengecam tindakan zalim Zionis-Israel yang dengan semberona membunuh orang awam dengan berasaskan kawasan yang diduduki tersebut adalah “pangkalan” HAMAS. Presiden Palestin Mahmud Abbas memberi amaran tentang “Nakba kedua” yang bakal berulang dengan lebih 760,000 rakyat Palestin menjadi pelarian dan hilang tempat tinggal akibat pencerobohan dan kezaliman Zionis-Israel. Liga Arab menerusi Setiausaha Agungnya, Ahmed Aboul Gheit mengutuk “pemindahan paksa” Israel ke atas penduduk Gaza sebagai jenayah. Beliau turut menegaskan bahawa rejim tersebut melakukan tindakan balas dendam yang kejam dengan menghukum orang awam dan bukannya merancang operasi ketenteraan terhadap HAMAS (BH Online, 2023). Di sisi lain, masyarakat dunia mula keluar ke jalan raya bagi menyatakan sokongan terhadap rakyat Palestin dan menggesa agar gencatan senjata segera dilakukan bagi mengelakkan lebih banyak kemusnahan dan korban orang awam meningkat. Tarikh 11 November 2023 mencatatkan sejarah apabila hampir 300,000 orang berhimpun di kota London bagi menzahirkan sokongan buat Palestin (Agensi, 2023). Begitu juga di kota-kota Eropah yang lain seperti Brussels, Paris, Lisbon dan Madrid. Malaysia tidak terkecuali dalam menyatakan sokongan dan pendirian dalam membantah serangan berterusan dan secara semberona oleh regim Israel tersebut.

4.0 REAKSI KERAJAAN MALAYSIA DAN BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO) TERHADAP OPERASI *TŪFĀN AL-AQSĀ*

Kelantangan Malaysia dalam menyuarakan isu Palestin bukanlah satu yang asing. Sejak sebelum kemerdekaan negara pada 1957 lagi, konflik Palestin-Israel sudah mendapat liputan di Tanah Melayu melalui akbar-akhbar dan majalah. Menurut Abu Hanifah, orang Melayu sudah sampai ke Palestin sejak awal tahun 1930-an di mana Palestin ketika itu berada dalam situasi penindasan orang-orang Yahudi diaspora. Perjuangan membela nasib rakyat Palestin terus mendapat perhatian oleh beberapa tokoh politik antaranya Dr. Burhanuddin al-Helmy (1911-1969) dan pemimpin utama negara dari era Tunku Abdul Rahman hingga Datuk Seri Anwar Ibrahim (Abu Hanifah, 2022). Walaupun pemimpin bersilih ganti, Malaysia terus komited dan konsisten dalam memperjuangkan nasib umat Islam khususnya di Palestin yang tidak hanya dinafikan hak malah menjadi mangsa pencabulan undang-undang antarabangsa. Operasi *Tūfān al-Aqsā* dan kebiadapan rejim Zionis-Israel terhadap rakyat Palestin menarik perhatian Malaysia untuk sama-sama menyatakan sokongan terhadap perjuangan hak dan keadilan terhadap mangsa-mangsa yang terlibat. Ketegasan Malaysia bukanlah hanya disebabkan hubungan erat dengan negara-negara Islam, namun perjuangan membela insan-insan yang dianiaya dalam isu kemanusiaan (Nurul Fatihah, et al, 2019).

Dasar luar Malaysia yang meletakkan prinsip Ummah dan persaudaraan Islam menjadi asas berhubung konflik Palestin-Israel ini melalui pendekatan anti Zionisme. Penjajahan Zionis-Israel terhadap tanah-tanah rakyat Palestin di samping kezaliman yang dilakukan menuntut Malaysia agar

terus bersuara di peringkat antarabangsa melalui pelbagai platform. Malah asas hak asasi manusia yang diperjuangkan adalah bertujuan membela nasib setiap manusia agar diberikan ruang kebebasan dan perlindungan, serta dihormati haknya (Zul’Azmi & Zailan, 2019). Sebelum tercetusnya perang *Tūfān al-Aqsā*, Perdana Menteri Malaysia, Dato’ Seri Anwar Ibrahim telah mengambil kesempatan bagi menyatakan solidariti dan sokongan terhadap perjuangan rakyat Palestin dalam ucapannya di Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) ke-78. Beliau menggesa komuniti antarabangsa agar menghentikan hipokrasi dalam isu Palestin sebagai manifestasi menentang kekejaman (Malaysia MADANI, 2023). Menjadi suatu kelaziman bagi pemimpin-pemimpin Malaysia yang berucap di pentas persidangan antarabangsa seperti PBB, NAM, OIC mahupun Liga-liga Arab untuk mengutarakan isu Palestin. Ketika Tun Mahathir menjadi Perdana Menteri sejak 1981, beliau dilihat sebagai salah seorang pemimpin negara Islam yang lantang mengkritik dan mengutuk kuasa-kuasa besar yang tidak bersungguh-sungguh dalam menangani pergolakan di rantau Timur Tengah terutamanya konflik Palestin-Israel (Chamil Wariya, 1989).

4.1 Kenyataan Rasmi Kerajaan Malaysia berhubung Operasi *Tūfān al-Aqsā*

Sejak awal tercetusnya perang, Malaysia telah mengutuk serangan Israel yang terus menyasar penempatan awam dan menyekat keperluan asas berupa air, elektrik dan makanan untuk masuk ke Gaza. Pada 16 November 2023, Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Luar telah mengecam keras serangan Israel terhadap hospital di Semenanjung Gaza yang terkepung selaras dengan prinsip keadilan dan kamanusiaan. Hospital al-Shifa dan Jordanian Field Hospital merupakan antara target serangan dan kepungan Zionis-Israel yang jelas melanggar Konvensyen Geneva 1949 yang menyatakan hospital sebagai zon perlindungan dan tidak sepatutnya menjadi sasaran dalam sebarang konflik bersenjata (Ministry of Foreign Affairs Malaysia, 2023). Kecaman yang sama turut dibuat sekali lagi pada 18 Disember 2023 susulan serangan kejam Zionis-Israel yang mensasarkan Hospital Kamal Adwan, Gaza Utara yang menjadi tempat perlindungan bagi rakyat Palestin yang cedera dan tidak berdaya mendapat rawatan (Ministry of Foreign Affairs Malaysia, 2023). Tatkala dunia masih berbelah bahagi dalam mencari salah siapa sehingga tercetusnya peristiwa 7 Oktober (*Tūfān al-Aqsā*), Perdana Menteri Malaysia Dato’ Seri Anwar Ibrahim berpendirian tegas dan enggan mengecam serangan awal HAMAS ke atas Israel sebagaimana desakan negara-negara Barat yang menuntut agar Malaysia turut sama menyalahkan HAMAS. Beliau malah mengkritik hipokrasi negara-negara Barat berhubung konflik yang tercetus dan menegaskan bahawa Kuala Lumpur tidak akan memutuskan hubungan yang telah lama terjalin dengan Palestin (Iman Muttaqin Yusof & Noah Lee, 2023). Dari satu sisi, ketegasan dan prinsip yang diambil oleh Malaysia ini sesuai dengan komitmen yang ditunjukkan oleh beberapa pemimpin negara sebelum ini yang terus konsisten memperjuangkan kemerdekaan negara Palestin walaupun berdepan dengan tekanan dari negara-negara besar dunia seperti Amerika Syarikat.

Selain serangan secara semberono yang disasarkan oleh Zionis-Israel ke atas penduduk Palestin khususnya di Gaza, perang ini turut berdampak ke wilayah Selatan Lubnan dan Syria yang turut membawa kematian sejumlah besar masyarakat tempatan. Serangan yang dilakukan pada 25 September 2024 telah mengakibatkan lebih 500 kematian dan mencederakan lebih 1,600 orang. Manakala, pada 7 November 2024, rejim Israel telah menyasarkan bandar Sidon, Selatan Lubnan yang telah mengorbankan tiga orang awam dan turut mencederakan enam anggota pengaman Malaysia yang bertugas dalam Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNIFIL) serta tiga orang askar Lubnan. Serangan berterusan Israel tersebut mencabul Undang-Undang Kemanusiaan Antarabangsa, Konvensyen Geneva dan Resolusi Majlis Keselamatan PBB 1701 yang merupakan asas kepada mandat UNIFIL untuk melaksanakan misi dan operasi di rantau tersebut (Ministry of Foreign Affairs Malaysia, 2024). Malaysia turut bertegas mengecam keputusan

rejim Zionis-Israel untuk memperluaskan penempatan haram di Bukit Golan yang secara terang-terangan melanggar intergriti wilayah dan kedaulatan Syria. Malaysia menyeru komuniti antarabangsa untuk menunaikan tanggungjawab undang-undang dan moralnya dengan memastikan Israel segera menghentikan semua serangan haram dan memegangnya bertanggungjawab atas pendudukan haram tanah Syria, selaras dengan Resolusi Majlis Keselamatan PBB 497 (1981). Malaysia menuntut Israel mematuhi undang-undang antarabangsa dan resolusi PBB yang relevan, termasuk Resolusi 79/83 yang diterima pakai pada 3 Disember 2024 ((Ministry of Foreign Affairs Malaysia, 2024).

4.2 Suara Malaysia di pentas Antarabangsa

Di bawah kepimpinan Dato' Seri Anwar Ibrahim, beliau sekali lagi membuat kejutan apabila menyuarakan isu Palestin-Israel yang semakin runcing di tengah-tengah pertemuan beberapa pemimpin utama dunia pada sidang akhir Mesyuarat Pemimpin Ekonomi Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di San Francisco. Kesempatan berjumpa empat mata dengan Presiden Amerika Syarikat Joe Biden digunakan oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim memandangkan gesaan dunia supaya genjatan senjata segera dilakukan melalui resolusi Majlis Keselamatan PBB terus digagalkan beberapa kali oleh kuasa veto Amerika Syarikat (Mahani Ishak, 2023). Kesempatan itu juga turut digunakan Malaysia, Indonesia dan Brunei yang sepakat dalam mencadangkan perenggan baharu berhubung konflik kemanusiaan di Gaza dalam kenyataan bersama Mesyuarat Pemimpin Ekonomi APEC (AELM). Tiga perkara diberi perhatian utama berhubung konflik yang tercetus iaitu genjatan senjata serta merta, memudahkan penghantaran bantuan kemanusiaan dan penyelesaian dua negara. Menteri Luar Malaysia sebelum itu, Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir berkata Malaysia bersama beberapa negara lain kekal dengan pendirian supaya krisis di Palestin turut dimasukkan dalam Deklarasi “Golden Gate” pemimpin APEC (Rohaniza Idris, 2023).

Sidang Kemuncak Tergempar Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) kali ke-8 yang berlangsung di Riyadh, Arab Saudi turut dihadiri oleh beberapa pimpinan negara antaranya Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim dan isteri Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail serta delegasi Malaysia termasuk Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil bagi membincangkan serangan dan kekejaman berterusan Israel terhadap Palestin. Platform OIC digunakan sebaiknya oleh Perdana Menteri Malaysia apabila beliau menggesa agar negara-negara keanggotaan OIC mendesak pelaksanaan gencatan senjata serta-merta dan menyegerakan bantuan kemanusiaan kepada penduduk Gaza, Palestin (Fadhli Sulaiman, 2023). Walaubagaimanapun, hasil mesyuarat tersebut tidak membawa hasil yang tuntas dan signifikan bagi membela nasib umat Islam di tengah-tengah konflik yang semakin runcing (Mohd Roslan & Mohamad Fikri, 2023). Mohd Nazari berpandangan bahawa kelantangan dan konsisten Malaysia dalam menyatakan pendirian menentang penjajahan Israel perlu digunakan sebaiknya sebagai negara keanggotaan OIC untuk mengetuai gerakan dalam mengajak negara lain memberi tekanan kepada rejim Zionis. Beliau menambah, tindakan mengecam sahaja tidak cukup. Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar perlu mengajak masyarakat antarabangsa memutuskan hubungan diplomatik dengan Israel dan memboikot secara total (Mohd Nazari, 2023). Perkara yang sama turut disuarakan oleh Majlis Perundingan Islam Malaysia (MAPIM) yang menyarankan kerajaan Malaysia untuk menggesa OIC melaksanakan tindakan konkret dalam menyelesaikan isu kekejaman Israel terhadap Palestin. Presiden MAPIM, Mohd Azmi Abdul Hamid mengutarakan cadangan agar Malaysia mengumpulkan beberapa negara penting seperti Indonesia, Turkiye, Arab Saudi, Kuwait, Pakistan dan Mesir bagi mendesak tindakan dikenakan ke atas Israel (Saifullah Ahmad, 2023).

Di sisi yang lain, Malaysia turut menyambut baik tindakan Afrika Selatan yang memfaikan tuntutan terhadap Israel di Mahkhamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) berhubung pelanggaran Konvensyen Genosid 1948 (Ministry of Foreign Affairs Malaysia, 2023). Tindakan ini dianggap langkah tepat pada masanya untuk menuntut akauntabiliti Israel atas dakwaan pelanggaran genosid terhadap rakyat Palestin, khususnya di Semenanjung Gaza. Pendirian Malaysia yang menyokong proses ini menunjukkan kesungguhan dalam menegakkan keadilan berdasarkan undang-undang antarabangsa. Pada 20 Februari 2024, Malaysia yang diwakili oleh Menteri Luar Malaysia Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan telah mengetuai delegasi Malaysia ke Sesi Pendengaran Awam bagi mendapatkan Pendapat Nasihat Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) berkaitan Kesan Perundungan yang timbul daripada Dasar dan Amalan Israel di Wilayah Pendudukan Palestin, termasuk Baitul Maqdis Timur, yang diadakan di Peace Palace, The Hague, dari 19 hingga 26 Februari 2024 (MalaysiaGazette, 2024). Beliau juga turut membentangkan Kenyataan Lisan Malaysia pada 22 Januari 2024 yang antara lain mengandungi keprihatinan dan pendirian Malaysia berhubung konflik, penegasan terhadap polisi dan praktik Israel melanggar hak asasi rakyat Palestin serta seruan kepada semua negara dan badan berautoriti untuk sama-sama memastikan keadilan dan undang-undang antarabangsa ditegakkan dan menyumbang kepada penyelesaian konflik secara adil (Ministry of Foreign Affairs Malaysia, 2024).

4.3 Penganjuran Program Solidariti buat Palestin

Sebagai tanda solidariti penuh terhadap Palestin dalam kalangan rakyat Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan Minggu Solidariti Palestin yang bermula dari 29 Oktober hingga 3 November. Penganjuran program ini bertujuan mendidik para pelajar mengenai nilai kemanusiaan yang merangkumi hak asasi manusia dan sifat ihsan serta keprihatinan terhadap penderitaan individu lain tanpa mengira bangsa, agama maupun status sosial. Perkara ini juga selari dengan penerapan nilai-nilai murni yang terkandung di dalam mata pelajaran Pendidikan Sivik yang diajar di sekolah-sekolah (Nor Syamira, 2023). Walaubagaimanapun, di sebalik penganjuran program tersebut, beberapa pihak tampil mempertikaikan beberapa aktiviti penganjuran di sekolah yang dikatakan memaparkan unsur-unsur keganasan dan ekstremisme. Hal ini bertitik tolak daripada tindakan segelintir murid sekolah rendah yang berpakaian serban *keffiyah* ala-ala pejuang HAMAS bersama replika senjata mainan. Namun, ia dilihat kononnya menyamai pemakaian kumpulan “militan HAMAS” dan mempamerkan unsur-unsur keganasan. Parti Tindakan Demokratik (DAP) melalui Setiausaha Agung, Anthony Loke Siew Fook tampil membantah dan menggesa KPM agar mengambil tindakan tatatertib yang tegas kepada pihak yang menganjurkan perkara sebegini (Astro Awani, 2023). Pemakaian serban *keffiyah* oleh pelajar dan guru yang dikaitkan dengan HAMAS menunjukkan bahawa masih ada segelintir masyarakat Malaysia yang berfikiran atau menganggap kumpulan pejuang itu sebagai entiti penganas, militan atau teroris sebagaimana dunia Barat melabel mereka.

Walaupun Malaysia mempunyai hubungan secara tidak langsung dengan HAMAS, namun usaha-usaha memberi kefahaman kepada masyarakat harus digiatkan agar naratif salah yang dimainkan media-media Barat terhadap kumpulan pejuang tersebut tidak terus berlebar tanpa asas yang betul. Masyarakat Malaysia sepatutnya memperbanyakkan bacaan, memahami, menganalisis dan bertanyakan kepada ahli terlebih dahulu sebelum bertindak dan tidak mudah terus percaya terhadap laman web dan media sosial dalam menghukum sesuatu ideologi itu sebagai ekstrem dan melampaui batas (Siti Naqiyah, et al, 2018). Selain DAP, beberapa ahli politik turut tampil mempersoalkan penganjuran Minggu Solidariti tersebut antaranya Adun Ba'Kelalan, Baru Bian yang menyifatkan penganjuran program sebegini telah mengheret para pelajar untuk berpihak dalam isu geopolitik yang rumit. Manakala Ahli Parlimen Puncak Borneo, Willie Mongin ketika

perbahasan di Dewan Rakyat turut mempersoalkan keperluan penganjuran program memandangkan fokus utama sekolah adalah pendidikan pelajar (Alyaa Alhadjri, 2023). Kontroversi di sebalik penganjuran ini telah mendapat respon yang pelbagai dari beberapa Badan Bukan Kerajaan (NGO) seperti Ikatan Guru-Guru Muslim Malaysia (i-Guru) yang mempertahankan pelaksanaan Minggu Solidariti Palestin di Institusi Pendidikan KPM yang dilihat mempu mempamerkan semangat kebersamaan seluruh guru Malaysia dalam perjuangan Palestin serta tanda kesedaran tinggi untuk menerapkan nilai-nilai kefahaman perjuangan berpaksikan prinsip agama yang benar dan manusiawi (Abnor Hamizan, 2023). Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Menteri Pendidikan, YB. Fadhlina Sidek bagaimanapun tampil menjelaskan keutamaan penganjuran program ini sebagai proses pendidikan kemanusiaan. KPM juga turut mengeluarkan satu garis panduan bagi seluruh institusi pendidikan yang akan melaksanakan aktiviti sepanjang Minggu Solidariti Palestin (Ridauddin Daud, 2023).

4.4 Program Solidariti dan Misi Bantuan Kemanusiaan oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO)

Perjuangan dan solidariti rakyat Malaysia terhadap Palestin bukan sahaja dilihat melalui usaha berterusan kerajaan dalam memperjuangkan hak rakyat Palestin di arena antarabangsa, tetapi juga melalui sokongan aktif pelbagai badan bukan kerajaan (NGO). NGO di Malaysia memainkan peranan penting dalam menyuarakan isu Palestin, menyampaikan bantuan kemanusiaan, dan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap penindasan yang dihadapi oleh rakyat Palestin. Gerakan solidariti ini mencerminkan komitmen rakyat Malaysia dari pelbagai lapisan masyarakat untuk mendukung perjuangan Palestin demi keadilan, keamanan, dan kemanusiaan. Dalam usaha menyeru rakyat Malaysia untuk mengutuk kekejaman rejim Zionis-Israel, Pengurus MyAqsa Defenders, Nadir Al-Nuri Kamaruzzaman telah melancarkan kempen #IsraelCuak di laman sosial sebagai tanda solidariti dalam membela nasib rakyat Palestin. Kempen ini digerakkan sebagai langkah menyebarkan maklumat-maklumat terkini yang sahih berhubung konflik di samping mengekang penyebaran berita palsu khususnya yang dimainkan oleh media-media pro-Israel. Dalam pada itu, inisiatif tabung kemanusiaan bagi membantu mangsa-mangsa konflik juga turut digerakkan oleh NGO-NGO yang berautoriti di bawah dua koalisi, MyAqsa Defenders dan Aid4Palestin (Muhammad Hafiz, 2023). Malah pada 18 Disember 2023, misi kemanusiaan Ops Ihsan yang digerakkan oleh kerajaan bersama-sama 50 NGO yang lain telah disempurnakan oleh Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Muatan barang sebanyak 60 tan yang terdiri daripada barangan perubatan, makanan sedia dimakan, barangan keperluan bayi, tilam, selimut dan kit wanita merupakan antara barangan yang di bawa ke Gaza melalui pintu Rafah, Mesir. Kolaborasi baik antara kerajaan dan NGO membolehkan usaha menyampaikan bantuan kemanusiaan kepada Palestin diuruskan dengan efisien. Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah turut menzahirkan rasa dukacita dan kesal terhadap tindakan Amerika Syarikat yang menggunakan kuasa veto menolak Resolusi Majlis Keselamatan PBB untuk gencatan senjata dilakukan segera (Firdaus Azil, 2023).

Malaysia antara negara terawal yang diberi kelulusan untuk menghantar masuk bantuan ke Gaza. Usaha ini telah disuarakan sendiri oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim ketika bercakap dengan Presiden Mesir, Abdel Fattah al-Sisi agar mempercepatkan sebarang bentuk bantuan dari Malaysia untuk masuk ke Gaza samada akses kelulusan pesawat untuk mendarat dan masuk ke sempadan. Sewaktu Dato' Seri Anwar Ibrahim mengadakan pertemuan dengan rakan sejawatannya dari Jepun, Fumio Kishida dan Belanda, Mark Rutte, beliau turut menzahirkan pendirian tegas Malaysia berhubung isu Palestin memandangkan kedua-dua negara tersebut adalah proksi Barat dan Amerika Syarikat (Mohd Nasaruddin, 2023). Di sebalik usaha mengumpul dana

awam bagi misi kemanusiaan di Palestin, isu penyalahgunaan dana dan dakwaan bahawa sumbangan tidak sampai ke Palestin sekali lagi muncul. Aman Palestin adalah salah satu NGO kemanusiaan yang telah terpalit dengan dakwaan menyeleweng dana awam berjumlah RM 70 juta di samping 41 akaun telah dibekukan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Penggerusi Eksekutif Lembaga Pengarah Aman Palestin Berhad, Abdullah Zaik Abdul Rahman pula mendakwa punca utama badan bukan kerajaan (NGO) itu menjadi mangsa tohmahan sehingga diambil tindakan oleh pihak berkuasa kerana tidak menyalurkan bantuan melalui Kedutaan Palestin di Malaysia. Beliau juga turut menegaskan bahawa sepanjang 18 tahun Aman Palestin beroperasi, mereka tidak pernah gagal menyalurkan bantuan yang disumbangkan rakyat Malaysia kepada negara tersebut. Tindakan SPM membekukan sebanyak 41 akaun bank milik Aman Palestin Berhad (Aman Palestin) dan beberapa entiti syarikat lain sedikit sebanyak menjelaskan usaha bagi menyalurkan bantuan kepada penduduk Palestin yang berada di zon konflik (Sinar Harian, 2023).

SPRM dalam satu kenyataannya berkata, tindakan itu diambil ekoran dakwaan pihak terbabit menyalah guna wang sumbangan orang ramai sejak 17 Oktober 2023. Ia susulan siasatan awal telah mengenal pasti beberapa isu melibatkan penyelewengan dana dianggarkan berjumlah RM70 juta yang disalurkan bagi tujuan selain daripada objektif penubuhan syarikat berkenaan. Isu ini sewajarnya menjadi pengajaran berguna buat semua pihak khususnya NGO-NGO yang mengutip sumbangan awam untuk pembangunan rakyat Palestin dengan melakukan audit dan laporan yang lengkap bagi mengelakkan sebarang ketirisan atau penyelewengan berlaku. Amanah masyarakat melalui sumbangan wang yang berjumlah jutaan ringgit seharusnya dijaga agar sampai kepada mereka yang memerlukan. Jika dilihat kepada kronologi permasalahan yang berlaku dalam isu pembekuan akaun Aman Palestin, ia adalah berpunca dari dakwaan Kedutaan Palestin di Malaysia bahawa bantuan rakyat Malaysia tidak sampai. Perkara ini bukanlah suatu yang baru kerana beberapa tahun kebelakangan, dakwaan ini sudah kerap diucapkan oleh pihak kedutaan. Penulis berpendapat bahawa masalah politik dalaman Palestin antara pemerintah PLO (Palestine Liberation Organization) dan HAMAS telah dijadikan modal dalam mencetuskan kontroversi mengenai dana yang tidak sampai. Usaha ini bertujuan untuk menaturalisasikan kumpulan yang membantu Palestin khususnya pihak yang mempunyai hubungan dengan HAMAS.

CEO Aman Palestin Awang Suffian Awang Piut menyebut bahawa sejak 2009, Aman Palestin telah membuka pejabat sendiri di Gaza dan setiap bantuan dan wang tunai diberikan secara terus kepada penduduk di sana dan juga Tebing Barat. Pejabat itu berperanan sebagai pusat pengumpulan bantuan sebelum diagihkan. Dalam siri pertempuran *Tūfān al-Aqṣā*, sebahagian besar keluarga kakitangan NGO Aman Palestin di Gaza turut menjadi korban serangan Israel (Tuty Haryanti, 2023). Menurut Ketua Bekas Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin, isu Aman Palestin telah dijadikan modal politik kerana terdapat figura di sebalik pertubuhan NGO itu yang dilihat mempunyai kaitan dengan parti politik tertentu. Beliau mendakwa bahawa perkara tersebut menyebabkan kepercayaan orang awam yang ingin menyalurkan bantuan kepada NGO tersebut bagi membantu negara konflik seperti Palestin mula tergugat (Nurul Hiqmah, 2023). Perkara ini diharap tidak berulang di masa hadapan khususnya melibatkan NGO-NGO yang berkecimpung dalam menguruskan dana awam untuk misi kemanusiaan. Permasalahan yang berlaku ditengah-tengah kegawatan konflik yang tercetus tidak hanya menyukarkan saluran bantuan untuk sampai, malah menghilangkan kepercayaan orang ramai di masa hadapan.

Di samping itu, beberapa siri himpunan aman sebagai tanda solidariti buat rakyat Palestin turut dianjurkan baik dari pemerintah dan badan bukan kerajaan (NGO). Stadium Axiata Arena, Bukit Jalil menjadi tempat bersejarah pada 24 Oktober 2023 apabila Perdana Menteri mengajak orang ramai menyertai Perhimpunan Malaysia Bersama Palestin. Peluang itu digunakan sebaiknya

oleh Perdana Menteri untuk berucap dan memberi amanat berguna kepada rakyat mengenai situasi dan tanggungjawab sebagai rakyat Malaysia untuk sama-sama berdiri dengan Palestin. Pada 28 Oktober, lebih 5,000 orang berhimpun di hadapan Kedutaan Amerika Syarikat yang memenuhi Jalan Tun Razak bagi mendesak pihak Israel melakukan gencatan senjata segera. Perarakan anjuran Pemuda PAS itu turut disertai Presiden Pas, Tan Sri Abdul Hadi Awang, Setiausaha Agung Bersatu, Datuk Seri Hamzah Zainudin dan beberapa pemimpin politik yang lain (Nuraina Hanis, 2023). Walaupun banyak perhimpunan aman dilakukan, namun ia lebih bersifat kelompok tertentu dari satu sisi. Pada pengamatan penulis, situasi ini boleh menyebabkan isu Palestin yang diperjuangkan turut menerima pengaruh sentimen politik atau kepartian yang tidak sihat di mana pelbagai pihak cuba untuk menjadi juara dalam isu yang tercetus sehingga ada diantara penganjuran demonstrasi tersebut mengundang kontroversi dan membawa kepada sifat saling menyalahkan antara beberapa pihak. Konflik yang semakin meruncing sewajarnya menjadi medan penyatuan seluruh pihak tanpa mengira latar belakang, sebaliknya menjadi bahan kritikan akibat peraturan tertentu yang mengundang kontroversi.

Perhimpunan “Freedom for Palestine” yang digerakkan oleh NGO Viva Palestina Malaysia dan MyCare adalah salah satu demonstrasi aman yang mendapat reaksi negatif daripada para peserta yang hadir. Kritikan yang dimuat naik dalam hantaran media sosial oleh beberapa peserta berlegar mengenai larangan penganjur kepada mereka yang membawa sepanduk dan plakat yang menggelar Perdana Menteri Israel, Benjamin Netanyahu sebagai penjenayah perang. Menurut seorang wanita yang menggunakan nama “Hajar” di aplikasi Tiktok merasa kecewa apabila pihak penganjur mendakwa para peserta bersikap seperti zionis ketika membawa plakat seperti itu. Malah, pihak penganjur juga turut melarang peserta-peserta melaungkan “Allahuakbar” (Shawaliah Hadir, 2023). Walaubagaimanapun, penganjur Viva Palestina Malaysia, Datuk Dr. Musa Mohd Nordin tampil memohon maaf di atas kekhilafan dalam penganjuran perhimpunan aman di Dataran Merdeka tersebut. Perhimpunan yang menjadi platform untuk semua masyarakat berhimpun dan menuntut dunia mengiktiraf jenayah Israel sewajarnya tidak dimomokkan dengan perkara-perkara remeh yang mengundang kontroversi. Kerajaan perlu mengorak langkah bersama-sama seluruh lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang politik, agama maupun kaum dalam menyuarakan isu ini seperti yang pernah dilakukan pada zaman Dato’ Seri Najib Tun Abdul Razak yang turut tampil sepantas bersama pembangkang dalam menyatakan solidariti buat Palestin pada 22 Disember 2017 (Bernama, 2017). Masyarakat Malaysia yang mempunyai latar belakang berbeza di dapati mempunyai tahap prejudis agama yang rendah antara satu sama lain (Nazneen et al., 2018). Justeru itu, isu Palestin tidak hanya perlu dilihat dari sisi keagamaan semata-mata, namun sebagai isu kemanusiaan.

Sehingga ke tarikh 24 Disember 2023, dianggarkan jumlah kematian dalam kalangan rakyat Palestin mencecah 28,000 dan hampir 1.9 juta terpaksa menjadi pelarian di tanah air sendiri. Statistik semasa hanya melaporkan sekitar 20,000 yang maut sedangkan masih ramai lagi mangsa yang hilang berada di bawah runtuhan bangunan yang di bom oleh Israel (Fitri Nizam, 2023). Klasifikasi Fasa Keselamatan Makanan Bersepadu (IPC) dalam satu laporannya meramalkan semenanjung Gaza bakal berdepan tahap kemiskinan paling teruk dengan tahap ketidakamanan makanan untuk tempoh enam minggu ke depan bermula 22 Disember 2023. Kesedaran masyarakat dunia semakin meningkat tentang nasib yang dihadapi oleh penduduk Gaza yang berdepan dengan situasi pengeboman setiap hari, kekurangan makanan dan air (AFP, 2023). Pada 20 Disember 2023, Perdana Menteri Dato’ Seri Anwar mengeluarkan arahan berhubung larangan kapal-kapal dari Israel yang dikenali sebagai ZIM untuk berlabuh di mana-mana pelabuhan Malaysia. Arahan yang dikuatkuasakan melalui Kementerian Pengangkutan dengan segera bertindak dengan mengenakan larangan kekal terhadap syarikat tersebut. Untuk rekod, Kabinet Malaysia pernah memberi

kebenaran kepada kapal-kapal milik syarikat berlabuh di Malaysia pada 2002 dan dibenarkan mendarat pada 2005. Namun, Kerajaan Malaysia memutuskan untuk tidak lagi menerima kapal-kapal Israel susulan tindakan tindakannya yang terus mengetepikan prinsip kemanusiaan dan melanggar undang-undang antarabangsa melalui kekejamannya terhadap penduduk Palestin (Firdaus Azil, 2023). Perkara ini secara tidak langsung membuktikan pendirian dan kesungguhan Malaysia dalam membela perjuangan rakyat Palestin di mata dunia.

Dari perspektif hubungan antarabangsa, penulis berpandangan bahawa reaksi Malaysia terhadap konflik Palestin-Israel seiring dengan apa yang dicadangkan dalam teori *Soft Power* yang menekankan penggunaan daya tarikan, nilai moral, dan diplomasi budaya untuk mempengaruhi aktor lain dalam arena antarabangsa tanpa paksaan atau penggunaan kuasa ketenteraan. Menurut Joseph Nye, teori *Soft Power* merujuk kepada keupayaan sesebuah negara untuk mempengaruhi tindakan atau pilihan aktor lain dalam sistem antarabangsa melalui daya tarikan budaya, nilai dan dasar tanpa menggunakan paksaan atau kekerasan. Konsep ini menekankan bahawa kuasa bukan hanya bergantung kepada kekuatan ketenteraan (*hard power*), tetapi juga pada keupayaan sesebuah negara untuk membentuk keutamaan, norma, dan persepsi melalui daya tarikan moral dan intelektual (Joseph, 1990). Dalam konteks konflik Palestin-Israel, tindak balas Malaysia dapat difahami melalui penggunaan pendekatan ini untuk menyokong perjuangan Palestin. Reaksi Malaysia terhadap konflik Palestin-Israel dapat ditafsirkan sebagai usaha untuk memperluas pengaruhnya dengan menonjolkan nilai kemanusiaan, solidariti Islam, dan komitmen terhadap keadilan antarabangsa. Ini memberikan dimensi yang lebih mendalam dalam menganalisis tindakan diplomatik, peranan NGO, dan sokongan masyarakat sivil terhadap perjuangan rakyat Palestin. Pendekatan ini bukan sahaja membantu Malaysia mengukuhkan pengaruhnya diperingkat antarabangsa, tetapi juga memupuk perpaduan domestik dalam kalangan masyarakat majmuk.

5.0 KESIMPULAN

Secara umumnya, Malaysia memainkan peranan penting dalam memperjuangkan suara Palestin dengan mendukung hak-hak mereka untuk merdeka dan menentang penindasan yang dihadapi. Sebagai negara yang menjadikan Islam sebagai agama persekutuan, Malaysia secara konsisten menyuarakan keimbangan terhadap pelanggaran hak asasi manusia yang terus dilakukan oleh Zionis-Israel terhadap penduduk Palestin. Pendirian Malaysia terhadap isu Palestin sangat jelas, dengan menyokong penubuhan negara Palestin merdeka dan menentang penempatan haram Israel di wilayah Palestin. Malaysia menerusi pemimpin utama negara telah mengambil langkah untuk menyuarakan isu ini di peringkat antarabangsa melalui forum-forum seperti Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Selain itu, penglibatan Malaysia dalam menyalurkan bantuan kemanusiaan untuk rakyat Palestin yang terkesan dengan konflik berupa bantuan kewangan, perubatan, dan pendidikan adalah antara inisiatif sebagai tanda solidariti. Hal ini secara tidak langsung mencerminkan komitmen Malaysia untuk memberikan sokongan praktikal kepada rakyat Palestin yang mengalami kesengsaraan akibat konflik berlarutan. Walaupun beberapa permasalahan muncul di sebalik usaha yang digerakkan, namun ia tidak menghalang rakyat Malaysia untuk terus menyatakan sokongan kepada rakyat Palestin. Operasi *Tufan al-Aqsa* telah menjadi medan buat seluruh rakyat bersatu hati tanpa mengira latar belakang untuk terus menyuarakan keadilan yang terus dicabul oleh Israel melalui jenayah perang yang dilakukan. Dunia perlu mengiktiraf jenayah perang yang dilakukan Israel tanpa segan silu turut dipaparkan di media massa kononnya mereka adalah “mangsa”. Ketidakadilan dunia terhadap pembebasan Palestin menuntut agar semua pihak bersatu hati. Secara keseluruhan, Malaysia terus berdiri teguh dalam menyokong perjuangan Palestin, menekankan keadilan, keamanan, dan hak asasi manusia. Kesedaran dan komitmen ini terus diperlihatkan melalui tindakan-tindakan yang

diambil oleh kerajaan Malaysia dalam memperjuangkan isu Palestin di peringkat nasional dan antarabangsa.

Penghargaan

Penyelidik ingin merakamkan penghargaan kepada Universiti Malaya dan Masjid al-Mukarramah atas dana penyelidikan PV105-2024 (Taufan al-Aqsa: Kedudukan Gaza dan Palestin) bagi menjalankan kajian ini.

Konflik Kepentingan

Penulis dengan ini mengisyiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan dengan penerbitan artikel ini

Rujukan

- Abnor Hamizan Abd Manap. (2023). Didik pelajar simpati Palestin, bukan nak sebarkan ideologi ekstrim. *Harian Metro*. 26 Oktober 2023. Diakses pada 24 Disember 2023 dari <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1023827/didik-pelajar-simpati-palestin-bukan-nak-sebar-ideologi-ekstrim>.
- Abu Hanifah Haris. (2022). Isu Penindasan Rakyat Palestin dan Reaksi Orang Melayu, 1930-1970. *Kajian Malaysia*. 1-24.
- AFP. (2023). Gaza diramalkan akan menghadapi penduduk terburuk menjelang Februari-PBB. *BH Online*. 22 Disember 2023. Diakses pada 25 Disember 2023 dari <https://www.bharian.com.my/dunia/asia/2023/12/1191636/gaza-diramal-menghadapi-kebuluran-terburuk-menjelang-februari-pbb>.
- Agenzi. (2023). 300,000 orang berhimpun di London zahir sokongan buat Palestin. *Astro Awani*. 12 November 2023. Diakses pada 23 Disember 2023 dari <https://www.astroawani.com/berita-dunia/300000-orang-berhimpun-di-london-zahir-sokongan-buat-palestin-445674>.
- AlJazeera. (2023). "طوفن الأقصى"...أكبر هجوم المقاومة الفلسطينية على إسرائيل. *AlJazeera*. 6 Disember 2023. Diakses pada 12 Disember 2023 dari <https://www.aljazeera.net/encyclopedia/2023/10/7/%D8%B7%D9%88%D9%81%D8%A7%D9%86%D8%A7%D9%84%D8%A3%D9%82%D8%B5%D9%89%D8%A3%D9%83%D8%A8%D8%B1%D9%87%D8%A1%D9%88%D9%85%D9%84%D9%84%D9%85%D9%82%D8%A7%D9%88%D9%85%D8%A9>.
- Alyaa Alhadjri. (26 Oktober 2023). Adun, MP bantah penganjuran ‘minggu solidariti Palestin’ di sekolah. *Malaysia Kini*. Diakses pada 24 Disember 2023 dari <https://www.malaysiakini.com/news/684284>
- Astro Awani. (2023). Gaza semakin tegang, zionis Israel serang kompleks hospital terbesar. *Astro Awani*. 11 November 2023. Diakses pada 22 Disember 2023 dari <https://www.astroawani.com/berita-dunia/gaza-semakin-tegang-zionis-israel-serang-kompleks-hospital-terbesar-445588>.
- Astro Awani. (2023). Solidariti untuk Paelstin: DAP bantah program pamer kekerasan senjata di sekolah. *Astro Awani*. 28 Oktober 2023. Diakses pada 24 Disember 2023 dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/solidariti-untuk-palestin-dap-bantah-program-pamer-kekerasan-senjata-di-sekolah-443646>.
- Berita Harian. (2023). Arab Saudi Sukar Berunding Dengan Israel. *Berita Harian*. 14 Oktober 2023. Diakses pada 21 Disember 2023 dari <https://www.bharian.com.my/dunia/asia/2023/10/1165156/arab-saudi-tangguh-rundingan-dengan-israel>.
- Bernama. (2017). Najib: Umno, Pas bersama perjuang isu Palestin. *Malaysia Kini*. 17 Disember 2017. Diakses pada 25 Disember 2023 dari <https://www.malaysiakini.com/news/405718>.

- BH Online. (2023). ‘Tidak berperikemanusiaan’, dunia mengutuk Israel kerana memaksa penduduk Gaza berpindah. *BH Online*. 14 Oktober 2023. Diakses pada 23 Disember 2023 dari <https://www.bharian.com.my/dunia/asia/2023/10/1164902/tidak-berperikemanusiaan-dunia-kecam-israel-paksa-penduduk-gaza-pindah>.
- Brett Wilkins. (2023). Netanyahu Shows Map of ‘New Middle East’-Without Palestine-ti UN General Assembly. *Common Dreams*. 22 September 2023. Diakses pada 21 Disember 2023 dari <https://www.commondreams.org/news/netanyahu-map>.
- Chamil Wariya. (1989). *Dasar Luar Era Mahathir*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Dalal Iriqat. (2020). The ‘Deal of the Century’from a Palestinian Perspective. *Palestine Israel Journal*, 25(1-2), 104-108.
- Euro-Med Human Rights Monitor. (2023). Israel hits Gaza Strip with the equivalent of two nuclear bombs. *Euro-Med Human Rights Monitor*. 2 November 2023. Diakses pada 23 Disember 2023 dari <https://euromedmonitor.org/en/article/5908/Israel-hits-Gaza-Strip-with-the-equivalent-of-two-nuclear-bombs>.
- Fadhl Sulaiman. (2023). Anwar gesa OIC desak gencatan senjata di Gaza. *Utusan Malaysia*. 12 November 2023. Diakses pada 24 Disember 2023 dari <https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/anwar-gesa-oic-desak-gencatan-senjata-di-gaza/>
- Firdaus Azil. (2023). Agong sempurnakan misi kemanusiaan Ops Ihsan ke Gaza. *Astro Awani*. 18 Disember 2023. Diakses pada 24 Disember 2023 dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/agong-sempurnakan-misi-kemanusiaan-ops-ihsan-ke-gaza-450547?>.
- Firdaus Azil. (2023). Malaysia larang kapal Israel berlabuh dan mendarat di Malaysia-PM Anwar. *Astro Awani*. 20 Disember 2023. Diakses pada 26 Disember 2023 dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/malaysia-larang-kapal-israel-berlabuh-dan-mendarat-di-malaysia-pm-anwar-450782?>.
- Fitri Nizam. (2023). Perang 2023 terburuk dalam sejarah Palestin. *Utusan Malaysia*. 25 Disember 2023. Diakses pada 25 Disember 2023 dari <https://www.utusan.com.my/nasional/2023/12/perang-2023-terburuk-dalam-sejarah-palestin/>.
- Howard Morley Sachar. 1963. *The Course of Modern Jewish History*. New York: A Delta Book.
- Iman Muttaqin Yusof & Noah Lee. (2023). Perdana Menteri Malaysia enggan kecam serangan Hamas ke atas Israel. *Benar News Malaysia*. 16 Oktober 2023. Diakses pada 24 Disember 2024 dari <https://www.benarnews.org/malay/berita/my-anwar-hamas-10162023194442.html>
- Ishaan Tharoor. (2023). Israel’s Gaza war: Welcome to the new, “new” Middle East. *Washington Post*. 16 Oktober 2023. Diakses pada 21 Disember 2023 dari <https://www.washingtonpost.com/world/2023/10/16/new-new-middle-east-israel-region-saudi-relations-future/>.
- Joseph S. Nye, (1990), Soft Power, *Foreign Policy*, (80), 153-171.
- Mahani Ishak. (2023). PM bawa suara Malaysia perjuang nasib rakyat Palestin jumpa Biden. *BH Online*. 25 November 2023. Diakses pada 23 Disember 2023 dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1181548/pm-bawa-suara-malaysia-perjuang-nasib-rakyat-palestin-jumpa-biden>.
- Mahmoud Al-Rantisi. (2023). طوفان الأقصى..المبالغة والتقويت وهشاشة الاحتلال. (*Al-Jazeera*). 10 Oktober 2023. Diakses pada 12 Disember 2023 dari <https://www.aljazeera.net/opinions/2023/10/10/%D8%B7%D9%88%D9%81%D8%A7%D9%86%D8%A7%D9%84%D8%A3%D9%82%D8%B5%D9%89-%D8%A7%D9%84%D9%85%D8%A8%>

D8%A7%D8%BA%D8%AA%D8%A9-%D9%88%D8%A7%D9%84%D8%AA%D9%88%D9%82%D9%8A%D8%AA .

MalaysiaGazette. (2024). Palestin: Mohamad wakil Malaysia sertai pendengaran Pendapat Nasihat ICJ. MalaysiaGazette. 20 Februari 2024. Diakses pada 24 Disember 2024 dari <https://malaysiagazette.com/2024/02/20/palestin-mohamad-wakil-malaysia-sertai-pendengaran-pendapat-nasihat-icj/> .

Malaysia MADANI. (2023). Konsep Malaysia Madani boleh diguna pakai masyarakat antarabangsa bagi mendepani ‘defisit demokrasi. *Malaysia Madani*. 23 September 2023. Diakses pada 23 Disember 2023 dari Konsep Malaysia Madani boleh diguna pakai masyarakat antarabangsa bagi mendepani ‘defisit demokrasi - Malaysia MADANI .

Ministry of Foreign Affairs Malaysia. (2023). Malaysia Condemns in The Strongest Terms Attacks on Hospitals by Israel in The Besieged Gaza Strip. *Official Portal Ministry of Foreign Affairs Malaysia*. 16 November 2023. Diakses pada 24 Disember 2024 dari https://www.kln.gov.my/web/guest/-/malaysia-condemns-in-the-strongest-terms-attacks-on-hospitals-by-israel-in-the-besieged-gaza-strip?redirect=https%3A%2Fwww.kln.gov.my%2Fweb%2Fguest%2Fpress-releases%3Fp_p_id%3D3%26p_p_lifecycle%3D0%26p_p_state%3Dmaximized%26p_p_mode%3Dview%26_3_redirect%3D%252Fweb%252Fguest%252Fpress-releases%253Fp_p_id%253D101_INSTANCE_pyl8kLodVZrv%2526p_p_lifecycle%253D0%2526p_p_state%253Dnormal%2526p_p_mode%253Dview%2526p_p_col_id%253Dcolumn-2%2526p_p_col_pos%253D2%2526p_p_col_count%253D3%2526_101_INSTANCE_pyl8kLodVZrv_delta%253D20%2526_101_INSTANCE_pyl8kLodVZrv_keywords%253D%2526_101_INSTANCE_pyl8kLodVZrv_advancedSearch%253Dfalse%2526_101_INSTANCE_pyl8kLodVZrv_andOperator%253Dtrue%2526p_r_p_564233524_resetCur%253Dfalse%2526_101_INSTANCE_pyl8kLodVZrv_cur%253D4%26_3_keywords%3Disrael%26_3_struts_action%3D%252Fsearch%252Fsearch&inheritRedirect=true .

Ministry of Foreign Affairs Malaysia. (2023). Malaysia Condemns the Brutal Attack by Israel Occupation Forces (IOF) on Kamal Adwan Hospital, Northren Gaza. *Official Portal Ministry of Foreign Affairs Malaysia*. 18 Disember 2023. Diakses pada 24 Disember 2024 dari https://www.kln.gov.my/web/guest/-/malaysia-condemns-the-brutal-attack-by-israel-occupation-forces-iof-on-kamal-adwan-hospital-northern-gaza?redirect=https%3A%2Fwww.kln.gov.my%2Fweb%2Fguest%2Fpress-releases%3Fp_p_id%3D3%26p_p_lifecycle%3D0%26p_p_state%3Dmaximized%26p_p_mode%3Dview%26_3_redirect%3D%252Fweb%252Fguest%252Fpress-releases%253Fp_p_id%253D101_INSTANCE_pyl8kLodVZrv%2526p_p_lifecycle%253D0%2526p_p_state%253Dnormal%2526p_p_mode%253Dview%2526p_p_col_id%253Dcolumn-2%2526p_p_col_pos%253D2%2526p_p_col_count%253D3%2526_101_INSTANCE_pyl8kLodVZrv_delta%253D20%2526_101_INSTANCE_pyl8kLodVZrv_keywords%253D%2526_101_INSTANCE_pyl8kLodVZrv_advancedSearch%253Dfalse%2526_101_INSTANCE_pyl8kLodVZrv_andOperator%253Dtrue%2526p_r_p_564233524_resetCur%253Dfalse%2526_101_INSTANCE_pyl8kLodVZrv_cur%253D4%26_3_keywords%3Disrael%26_3_struts_action%3D%252Fsearch%252Fsearch&inheritRedirect=true .

Ministry of Foreign Affairs Malaysia. (2023). Malaysia Welcomes the Application by South Africa Before The International Court of Justice Against Israel on Alleged Genocide Violations in The Gaza Strip. *Official Portal Ministry of Foreign Affairs Malaysia*. 2 Januari 2024. Diakses pada 24 Disember 2024 dari https://www.kln.gov.my/web/guest/-/malaysia-welcomes-the-application-by-south-africa-before-the-international-court-of-justice-against-israel-on-alleged-genocide-violations-in-the-gaza-%3Fredirect=https%3A%2Fwww.kln.gov.my%2Fweb%2Fguest%2Fpress-releases%3Fp_p_id%3D3%26p_p_lifecycle%3D0%26p_p_state%3Dmaximized%26p_p_mode%3Dview%26_3_redirect%3D%252Fweb%252Fguest%252Fpress-releases%253Fp_p_id%253D101_INSTANCE_pyl8kLodVZrv%2526p_p_lifecycle%253D0%2526p_p_state%253Dnormal%2526p_p_mode%253Dview%2526p_p_col_id%253Dcolumn-2%2526p_p_col_pos%253D2%2526p_p_col_count%253D3%2526_101_INSTANCE_pyl8kLodVZrv_delta%253D20%2526_101_INSTANCE_pyl8kLodVZrv_keywords%253D%2526_101_INSTANCE_pyl8kLodVZrv_advancedSearch%253Dfalse%2526_101_INSTANCE_pyl8kLodVZrv_andOperator%253Dtrue%2526p_r_p_564233524_resetCur%253Dfalse%2526_101_INSTANCE_pyl8kLodVZrv_cur%253D4%26_3_keywords%3Disrael%26_3_struts_action%3D%252Fsearch%252Fsearch&inheritRedirect=true .

count%253D3%2526_101_INSTANCE_pyl8kLodVZrv_delta%253D20%2526_101_INSTANCE_pyl8kLodVZrv_keywords%253D%2526_101_INSTANCE_pyl8kLodVZrv_advancedSearch%253Dfalse%2526_101_INSTANCE_pyl8kLodVZrv_andOperator%253Dtrue%2526p_r_p_564233524_resetCur%253Dfalse%2526_101_INSTANCE_pyl8kLodVZrv_cur%253D4%26_3_keywords%3Disrael%26_3_struts_action%3D%252Fsearch%252Fsearch&inheritRedirect=true .

Ministry of Foreign Affairs Malaysia. (2023). Oral Statement By Minister Of Foreign Affairs Of Malaysia Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan At The Public Hearings On The Request For The International Court Of Justice's (Icj) Advisory Opinion On The Legal Consequences Arising From The Policies And Practices Of Israel In The Occupied Palestinian Territory, Including East Jerusalem Peace Palace, The Hague 22 February 2024. *Official Portal Ministry of Foreign Affairs Malaysia.* 22 Februari 2024. Diakses pada 24 Disember 2024 dari <https://www.kln.gov.my/web/guest/-/oral-statement-by-minister-of-foreign-affairs-of-malaysia-dato-seri-utama-haji-mohamad-bin-haji-hasan> .

Ministry of Foreign Affairs Malaysia. (2024). Malaysia Mengcam Serangan Israel yang Mencederakan Anggota Pengaman Malaysia. *Official Portal Ministry of Foreign Affairs Malaysia.* 9 November 2024. Diakses pada 24 Disember 2024 dari https://www.kln.gov.my/web/guest/-/malaysia-mengcam-serangan-israel-yang-mencederakan-anggota-pengaman-malaysia?redirect=https%3A%2F%2Fwww.kln.gov.my%2Fweb%2Fguest%2Fpress-releases%3Fp_p_id%3D3%26p_p_lifecycle%3D0%26p_p_state%3Dmaximized%26p_p_mode%3Dview%26_3_redirect%3D%252Fweb%2Fguest%252Fpress-releases%253Fp_p_id%253D101_INSTANCE_pyl8kLodVZrv%2526p_p_lifecycle%253D0%2526p_p_state%253Dnormal%2526p_p_mode%253Dview%2526p_p_col_id%253Dcolumn-2%2526p_p_col_pos%253D2%2526p_p_col_count%253D3%2526_101_INSTANCE_pyl8kLodVZrv_delta%253D20%2526_101_INSTANCE_pyl8kLodVZrv_keywords%253D%2526_101_INSTANCE_pyl8kLodVZrv_andOperator%253Dtrue%2526p_r_p_564233524_resetCur%253Dfalse%2526_101_INSTANCE_pyl8kLodVZrv_cur%253D4%26_3_keywords%3Disrael%26_3_struts_action%3D%252Fsearch%252Fsearch&inheritRedirect=true .

Ministry of Foreign Affairs Malaysia. (2024). Malaysia Condemns Israeli Expansion of Illegal Settlements and Airstrikes in Syria. *Official Portal Ministry of Foreign Affairs Malaysia.* 17 Disember 2024. Diakses pada 24 Disember 2024 dari https://www.kln.gov.my/web/guest/-/malaysia-condemns-israeli-expansion-of-illegal-settlements-and-airstrikes-in-syria?redirect=https%3A%2F%2Fwww.kln.gov.my%2Fweb%2Fguest%2Fpress-releases%3Fp_p_id%3D3%26p_p_lifecycle%3D0%26p_p_state%3Dmaximized%26p_p_mode%3Dview%26_3_redirect%3D%252Fweb%252Fguest%252Fpress-releases%253Fp_p_id%253D101_INSTANCE_pyl8kLodVZrv%2526p_p_lifecycle%253D0%2526p_p_state%253Dnormal%2526p_p_mode%253Dview%2526p_p_col_id%253Dcolumn-2%2526p_p_col_pos%253D2%2526p_p_col_count%253D3%2526_101_INSTANCE_pyl8kLodVZrv_delta%253D20%2526_101_INSTANCE_pyl8kLodVZrv_keywords%253D%2526_101_INSTANCE_pyl8kLodVZrv_andOperator%253Dtrue%2526p_r_p_564233524_resetCur%253Dfalse%2526_101_INSTANCE_pyl8kLodVZrv_cur%253D4%26_3_cur%3D2%26_3_keywords%3Disrael%26_3_advancedSearch%3Dfalse%26_3_delta%3D20%26_3_resetCur%3Dfalse%26_3_andOperator%3Dtrue%26_3_struts_action%3D%252Fsearch%252Fsearch&inheritRedirect=true .

Mohd Nasaruddin Parzi. (2023). Malaysia antara yang terawal diberi kebenaran menghantar bantuan ke Gaza-Anwar. *BH Online.* 6 November 2023. Diakses pada 26 Disember 2023 dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1173774/malaysia-antara-terawal-diberi-kelulusan-hantar-bantuan-ke-gaza> .

Mohd Nazari (2023). Malaysia wajar ketuai gerakan boikot, beri tekanan lebih keras terhadap Palestin. *Harian Metro.* 14 November 2023. Diakses pada 24 Disember 2023 dari <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1030100/malaysia-wajar-ketuai-gerakan-boikot-beri-tekanan-lebih-keras-terhadap> .

- Mohd Roslan Mohd Nor & Abdul Qayyum M Suhaimi. (2018). *Intifadah Al-Aqsa Kebangkitan Rakyat Palestin*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Roslan Mohd Nor & Mohamad Fikri Mohd Bakri. (2023) OIC perlu bertegas isu Palestin. *Utusan Malaysia*. 23 November 2023. Diakses pada 24 Disember 2023 dari <https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2023/11/oic-perlu-bertegas-tangani-isu-palestin/>.
- Mohd Roslan Mohd Nor & Muhammad Khalis Ibrahim. (2023). Deal of the Century: Analisis Impaknya terhadap Proses Damai Israel-Palestin dan Kestabilan Timur Tengah. *Islamijiyat* 45(1), 47-57.
- Mohd Roslan Mohd Nor, Ummu Zainab Al-Abibah Zainal Abidin & Ezad Azraai Jamsari. (2015). The Demographic History of Palestine During the British Administration (1917-1948) based on the Official Records of Palestine Demography. *Islamijiyat*, 37(2): 125-132.
- Mohd Roslan Mohd Nor. (2010). Sejarah Kejatuhan Palestin dan Kewujudan Israel. Dalam ed. Abdul Karim Ali & Mohd Roslan Mohd Nor, *Baitul Maqdis “Sejarah Kejatuhan Palestin dan Kewujudan Israel”*. 37-5). Shah Alam: Persatuan Ulama’ Malaysia.
- Mohd Salleh Osman. (2023). Resolusi OIC sekadar kutuk Israel kecawakan umat Islam. *BH Online*. 15 November 2023. Diakses pada 26 Disember 2023 dari <https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2023/11/1177053/resolusi-oic-sekadar-kutuk-israel-kecawakan-umat-islam>.
- Muhammad Hafis Nawawi. (2023). Awas scammer derma Gaza. *Harian Metro*. 13 Oktober 2023. Diakses pada 24 Disember 2023 dari <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1019429/awas-scammer-derma-gaza>.
- Nazneen Ismail, Aemy Elyani Mat Zain, Norsaadah Din@Mohamad Nasiruddin & Maryam Habibah Kamis. (2018). Pendekatan Fiqh Ta’ayusy dalam Menangani Konflik Antara Agama. *Islamijiyat* 40(2), 151-160.
- Nor Syamira Liana Nor Ashana. (2023). KPM laksana Minggu Solidariti Palestin. *Sinar Harian*. 26 Oktober 2023. Diakses pada 24 Disember 2023 dari <https://www.sinarharian.com.my/article/631569/berita/nasional/kpm-laksana-minggu-solidariti-palestina>.
- Nuraina Hanis. (2023). Lebih 5,000 berhimpun depan Kedutaan AS desak Israel lakukan gencatan senjata. *Utusan Malaysia*. 28 Oktober 2023. Diakses pada 25 Disember 2023 dari <https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/lebih-5000-berhimpun-depan-kedutaan-as-desak-israel-lakukan-gencatan-senjata/>.
- Nurul Fatihah Yusoff, Azlizan Mat Enh & Zubaidah Hamzah. (2019). Komitmen Malaysia Dalam Konflik Israel-Palestin: 1957-2014. *Internasional Journal of Politics, Public Policy and Social Work*. 1(1): 1-11.
- Nurul Hiqmah. (2023). (VIDEO) Isu Aman Palestin dipolitikkan kerana ada figura politik dalam AP-KJ. *The Merdeka Time*. 28 November 2023. Diakses pada 26 Disember 2023 dari <https://themerdekatimes.com/news/2023/11/video-isu-aman-palestin-dipolitikkan-kerana-ada-figura-politik-dalam-ap-kj/>.
- Palestine Chronicle Staff. (2023). ‘Today, the People Claim their Revolution’: This is What Al-Qassam Commander Said in His Speech. *The Palestine Chronicle*. 7 Oktober 2023. Diakses pada 12 Disember 2023 dari <https://www.palestinechronicle.com/today-the-people-claim-their-revolution-this-is-what-al-qassam-commander-said-in-his-speech/>.
- Ridauddin Daud. (2023). Minggu Solidariti Palestin: “Jangan kacau kami, jangan usik guru kami”-Fadhlina. *Astro Awani*. 2 November 2023. Diakses pada 24 Disember 2023 dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/minggu-solidariti-palestin-jangan-kacau-kami-jangan-usik-guru-kami-fadhlina-444411>.

- Rohaniza Idris. (2023). Malaysia, Indonesia, Brunei bersama desak tamatkan konflik Palestin. *BH Online*. 21 November 2023. Diakses pada 23 Disember 2023 dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1179694/malaysia-indonesia-brunei-bersama-desak-tamatkan-konflik-palestin>.
- Saifullah Ahmad. (2023). Mapim gesa Malaysia main peranan desak OIC bertegas. *Sinar Harian*. 20 Oktober 2023. Diakses pada 24 Disember 2023 dari <https://www.sinarharian.com.my/article/630524/berita/nasional/mapim-gesa-malaysia-main-peranan-de-sak-oic-bertegas>.
- Salih Al-Hajj Hasan. (2022). *Ma'rikat Saif al-Quds fi al-Mizan Ramadan 1442 H-Mei 2021M*. Beirut: Al-Zaytouna Centre for Studies & Consultations.
- Shawaliah Hadir. (2023). Kalau tak faham erti kemanusiaan, jangan sibuk anjur demonstrasi-Netizen. *Malaysia Gazette*. 22 Oktober 2023. Diakses pada 25 Disember 2023 dari <https://malaysiagazette.com/2023/10/22/kalau-tak-faham-erti-kemanusiaan-jangan-sibuk-anjur-demonstrasi-netizen/>.
- Sinar Harian. (2023). Sumbangan tidak sampai hanya tohmahan-Aman Palestin. *Sinar Harian*. 28 November 2023. Diakses pada 26 Disember 2023 dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sumbangan-tidak-sampai-hanya-tohmahan-aman-palestin-447790?>.
- Siti Naqiyah Mansor, Salasiah Hanin Hamjah & Izzah Nur Aida Nur Raffar. (2018). Ideologi Gerakan Islamic State of Iraq and Sham (ISIS) di Malaysia. *Islamijiyat* 40(2), 95-103.
- Tara Febriani, K. (2023). *Dampak Abraham Accords Terhadap Dinamika Keamanan Regional Timur Tengah*. (Tesis Kedoktoran, Universitas Mataram).
- The Guardian. (2023). Gaza residents told to move south as Israel prepares for expected ground assault. *The Guardian*. 13 Oktober 2023. Diakses pada 22 Disember 2023 dari <https://www.theguardian.com/world/2023/oct/13/israel-hamas-war-latest-gaza-residents-told-move-ground-assault>.
- Tuty Haryanti Ahmad Rozi. (2023). Keluarga kakitangan Aman Palestin di Gaza terbunuh. *BH Online*. 11 Oktober 2023. Diakses pada 26 Disember 2023 dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1163800/keluarga-kakitangan-aman-palestin-di-gaza-terbunuh>.
- Unit for Political Studies. (2023). *Al-Aqsa Flood Offensive: Israeli Strategic Failures in Gaza*. Doha: The Arab Center for Research & Policy Studies.
- Utusan Malaysia. (2023). Hubungan Israel-Arab Saudi: Palestin Tidak Boleh Ada Kuasa Veto. *Utusan Malaysia*. 24 September 2023. Diakses pada 21 Disember 2023 dari <https://www.utusan.com.my/luar-negara/2023/09/hubungan-israel-arab-saudi-palestin-tidak-boleh-ada-kuasa-veto/>.
- Wartawan TMT. (2023). Israel serang Hezbollah di Lubnan. *The Merdeka Times*. 17 Oktober 2023. Diakses pada 23 Disember 2023 dari <https://themerdekatimes.com/news/2023/10/israel-serang-hezbollah-di-lubnan/>.
- Zul'Azmi Yaakob & Zailan Moris. (2019). Merangka Semula Falsafah Keamanan Sejagat dalam Konteks Malaysia. *Islamijiyat* 41(1), 69-81.